

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN CHUA TIAN CHANG
(BATU)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. TUAN CHUA TIAN CHANG [BATU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan senarai mengikut projek-projek dan industri, dana pelaburan yang dilaburkan oleh KWSP dari tahun 2012 hingaa 2014.

JAWAPAN

KWSP mengamalkan dasar pelaburan sejajar dengan peruntukan Seksyen 26 Akta KWSP 1991. Strategi pelaburan KWSP adalah berteraskan kepada Alokasi Aset Strategik dan peruntukan alokasi aset adalah berdasarkan perancangan pelaburan jangka panjang selaras dengan objektif pelaburannya iaitu melindungi dan memberi nilai tambah kepada wang simpanan ahli.

2. Strategi pendiversifikasi kelas aset yang optimum adalah elemen yang penting dalam memastikan simpanan ahli tidak terjejas (*capital preservation*) akibat dihakis oleh inflasi dan pada masa yang sama mampu menjana pulangan yang kompetitif. Selaras dengan objektif pelaburan jangka panjang KWSP, komposisi aset pelaburan KWSP bercirikan risiko yang rendah dengan pendedahan yang tinggi kepada instrumen berpendapatan tetap bagi menjana pulangan yang stabil. Instrumen berpendapatan tetap merangkumi pembiayaan pinjaman dan langganan bon yang diterbitkan oleh Kerajaan, Agensi Kerajaan dan Badan-badan Korporat dalam dan luar negara. Setakat Disember 2014, 51% daripada jumlah nilai pelaburan KWSP adalah di dalam pelaburan instrumen berpendapatan tetap.

3. Mengambil kira kadar faedah semasa yang rendah bagi kedua-dua pasaran dalam dan luar negara, KWSP terus melakukan pendiversifikasian portfolio dengan mempertingkatkan pendedahan ke dalam kelas aset yang lain seperti Ekuiti, Hartanah dan Infrastruktur sama ada di peringkat domestik mahupun global dalam julat yang dibenarkan

bagi mengoptimumkan pulangan pada julat risiko yang berpatutan. KWSP sentiasa mencari peluang melabur dalam aset yang matang, berkualiti, berkadar pulangan tinggi serta mampu menjana pendapatan yang stabil bagi diagihkan sebagai dividen tahunan kepada ahli.

4. Pelaburan KWSP meliputi pelbagai sektor dan industri yang tidak bercanggah dengan polisi pelaburan mandat beretika (*Ethical Mandate*) yang diamalkan KWSP. Ini bermakna KWSP tidak melaburkan dananya di dalam sektor-sektor yang jelas tidak beretika seperti sektor perjudian, arak, pelaburan yang mempunyai pendedahan dan kepentingan dalam negara-negara yang tiada hubungan diplomasi dengan Malaysia seperti Israel dan sektor pembuatan dan penjualan senjata untuk peperangan.